

18/04/2000

Dasar Bank Dunia, IMF perlu diubah suai

JIKA selama ini Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sering dikecam oleh media Barat kerana mempertikaikan kewibawaan Tabung Matawang Antarabangsa (IMF) dan Bank Dunia, kini semangat penentangan sudah menular di kalangan masyarakat Barat khususnya di Amerika Syarikat. Ini terbukti dengan tunjuk perasaan besar-besaran yang diadakan di Washington kelmarin. Lebih 10,000 orang termasuk aktivis alam sekitar dan kumpulan hak asasi manusia menyertai tunjuk perasaan yang diadakan di luar pejabat IMF dan Bank Dunia.

Kira-kira 600 penunjuk perasaan ditahan setelah mereka bertindak liar bertempur dengan polis dan enggan bersurai walaupun diberi amaran beberapa kali. Penunjuk perasan tetap meneruskan perarakan dan berkumpul di luar bangunan pejabat IMF untuk mengganggu perjalanan mesyuarat yang diadakan. Rakyat Amerika yang menunjuk perasaan itu percaya dasar ekonomi IMF dan Bank Dunia tidak sesuai untuk negara miskin kerana ia menyebabkan mereka terus dianiaya. Mereka percaya dasar IMF dan Bank Dunia hanya menjaga kepentingan negara kaya dan meminggirkan penduduk miskin. Dasar seperti ini pastinya tidak dapat menyelesaikan pelbagai masalah ekonomi yang sedang melanda dunia sekarang. Bagaimanapun kedua-dua badan kewangan berkenaan menafikan dakwaan itu.

Kini sudah jelas bahawa tindak tanduk kedua-dua badan kewangan dunia bukan saja tidak dapat menolong negara-negara miskin menghadapi kemelut ekonomi yang melanda mereka sebagaimana sepatutnya tetapi sebenarnya telah menjerumuskan negara-negara itu kepada keadaan yang semakin teruk. Kerana terlalu dikongkong oleh telunjuk negara-negara maju seperti Amerika Syarikat tindak-tanduk kedua-dua badan dunia itu telah membuat negara-negara miskin yang mereka bantu itu bertambah melarat malah ekonomi mereka semakin terjerumus dengan jumlah hutang yang semakin besar hingga tidak mungkin dapat mereka menjelaskannya tanpa membawa kepada kemusnahan negara.

Kritikan Dr Mahathir terhadap dasar kedua-dua badan kewangan itu kini terbukti dan rakyat Barat sendiri sudah nampak dan menyedari kepincangan yang wujud berikutan bantuan yang mereka hulurkan itu penuh dengan syarat yang menyusahkan warga negara-negara yang hendak dibantu. Malangnya bila ada negara yang enggan menerima bantuan dan formula pemulihan mereka kerana tidak mahu terikat dengan telunjuk mereka sebagaimana dilakukan oleh Malaysia, puak sekutu Barat melalui media dan penganalisis yang mereka anggap sebagai pakar mengecam pimpinan negara itu dengan memberikan gambaran buruk terhadap keadaan yang melandanya. Tidak hairanlah Dr Mahathir dan Malaysia selalu menjadi sasaran kecaman media Barat dan konco-konconya. Pelbagai usaha dilancarkan untuk memburuk-burukkan negara ini kerana tidak setuju dengan dasar yang mereka mempertahankan.

Di forum antarabangsa Bank Dunia dan IMF selalu menggesa pemimpin negara membangun supaya mentadbir negara secara jujur dan telus untuk mengatasi masalah ekonomi mereka sedangkan kedua-dua badan itu sendiri tidak jujur dan telus dalam pentadbirannya. Mereka akan membuat pelbagai analisis dan andaian mengenai kegagalan ekonomi sesebuah negara jika tidak menerima bantuan mereka dan jika ada negara yang menerima dan mengharapkan bantuan mereka pelbagai syarat yang ketat pula dikenakan hingga menyebabkan negara terbabit sukar melaksanakannya. Keadaan pincang ini dialami oleh banyak negara membangun yang menerima bantuan kedua-dua badan dunia itu termasuk di rantau ini.

Bantahan penunjuk perasaan di Washington kini dan di Seattle akhir tahun lalu telah membuka mata dunia terhadap kelemahan pengurusan dan dasar kedua-dua pertubuhan itu. Pihak pengurusan kedua-dua badan kewangan dunia harus bersikap lebih terbuka dan telus terhadap pandangan yang bercanggah dengan analisis mereka. Seandainya Bank Dunia dan IMF terus mengabaikan pandangan ini ia pasti tidak dapat berfungsi secara berkesan pada masa akan datang.

Bank Dunia dan IMF kini perlu akur dengan hakikat dasar ekonomi mereka perlu diubah sesuai dengan perkembangan semasa dan kehendak kebanyakan negara di dunia. Mereka tidak boleh memaksa orang lain menerima dasar yang sudah lapuk, tidak praktikal dan hanya mementingkan pertubuhan-pertubuhan kewangan negara maju. Mereka perlu jujur dan realistik dalam usaha memberi bantuan kepada sesebuah negara. Mereka tidak boleh lagi membuatnya tanpa mengambil kira akibat buruk ke atas rakyat tempatan hingga boleh mencetuskan rusuhan. Mereka juga harus akur bahawa formula yang mereka kenakan itu telah menjejaskan kedudukan rakyat jelata hingga menimbulkan masalah sosial yang amat ketara.

(END)